

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	17 JAN 2015



Najib bertanya khabar kepada pelajar ketika **menaiki LRT dari stesen PWTC ke KL Sentral** selepas solat Jumaat di Masjid Jamek Kuala Lumpur, semalam. [FOTO BERNAMA]

BH - 17/1/2015

Najib naik tren LRT

Kuala Lumpur: Kehadiran Perdana Menteri dalam tren Transit Aliran Ringan (LRT) dari Stesen Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) ke KL Sentral, di sini, semalam, mengejutkan penumpang pengangkutan awam itu.

Datuk Seri Najib Razak menaiki LRT bersama warga kota selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Kuala Lumpur.

“Ramai juga terkejut melihat saya di sana (stesen dan dalam tren LRT).

“Tapi Alhamdulillah, mereka tidak segan untuk mem-

beri maklum balas mengenai sistem pengangkutan awam kita,” katanya menerusi entri terbaharu dalam laman Facebooknya, semalam.

Ruang penambahbaikan Perdana Menteri berkata, berdasarkan pengalamannya semalam, beliau melihat masih ada ruang penambahbaikan boleh dilaksanakan.

“Insya-Allah, kita akan kenal pasti cara terbaik untuk memperbaiki mutu perkhidmatan pengangkutan awam negara demi kesejahteraan rakyat,” katanya.